

# USIM jagoan anak NS

**SUKNES@U**  
erat  
silaturahim,  
mahasiswa  
IPTA, IPTS



Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke [sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my)

Oleh **Mohd Amin Jalil**  
[sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my)  
**Nilai**

**K**ontinjen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya memanfaatkan kelebihan selaku tuan rumah apabila muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan 2015 (SUKNES@U 2015) di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM, baru-baru ini.

Kontinjen itu berjaya meraih lima pingat emas daripada sembilan acara sukan yang dipertandingkan termasuk sukan tradisional iaitu futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw serta ping pong dan sukan rakyat memabitkan tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang.

Seramai 1,200 mahasiswa dan mahasiswi dari 19 institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) seluruh negara menyertai SUKNES@U 2015, yang memasuki edisi kedua selepas kali



**DR Musa (berdiri tengah) bersama kontinjen USIM.**

pertama dijayakan pada 2010.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM Mohd Zaini Othman berkata, karnival itu adalah anjuran Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan kerajaan Negeri Sembilan.

Katanya, antara IPTA/S yang mengambil bahagian ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA),

Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Berbanding edisi pertama pada 2010 yang berlangsung di UKM Bangi, Selangor apabila disertai 10 IPTA/S, edisi kali ini lebih meriah apabila penyertaan bertambah kepada 19.

"Karnival ini menjadi medan mencungkil bakat baru selain menggalakkan aktiviti kecergasan serta mengeratkan silaturahim

**FAKTA**  
19 IPTA, IPTS  
hantar atlet  
masing-masing



**MOHAMAD (tengah) bergambar bersama sebahagian atlet.**

di kalangan anak-anak Negeri Sembilan.

"Peserta yang mengambil bahagian juga berpeluang menjadikannya sebagai medan perkongsian maklumat tentang kejayaan pelajar dari IPT masing-masing," kata-

nya.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disembunahkan Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan di Dewan Besar USIM dan turut hadir Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.